



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

BAITI JANNATI

Naz Asyraf Mohamad Nazarul, Nur Husna Hazirah Mohd Ismail & Saflina Azis



28 November 2024 (Rabu), Satu program Bacaan Yasin iaitu Baiti Jannati telah diadakan di Pusat Islam Sheikh Haji Ahmad Said, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban. Program ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej dengan sokongan penuh daripada Staf Residen Kolej dan dijalankan dibawah minggu Festival Kolej. Seramai 100 peserta, 40 ahli jawatankuasa, dan 2 orang Pegawai Jawatankuasa Penting telah terlibat dalam program ini. Bajet yang dimohon adalah sebanyak RM 328.00 manakala bajet yang diluluskan adalah RM 180.00. Kesemua bajet yang diterima digunakan secara menyeluruh untuk perbelanjaan makanan VIP dan Ahli Jawatankuasa Program yang terlibat.



Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran spiritual dan sahsiah diri pelajar melalui penghayatan ajaran Islam, nilai-nilai murni, dan pemahaman mendalam terhadap Surah Yasin. Selain itu, program yang bertujuan untuk menggalakkan amalan keagamaan dan memupuk semangat kerohanian dalam kalangan pelajar. Melalui bacaan Yassin, pelajar bukan sahaja dapat mendalami makna dan

pengajaran yang terkandung dalam surah tersebut. tetapi juga berpeluang untuk bersatu dalam aktiviti berkumpulan, yang dapat mempereratkan hubungan sesama mereka.

Aktiviti utama yang dijalankan dimulai dengan solat maghrib secara berjemaah, diikuti dengan bacaan Yasin yang diketuai oleh Setiausaha Agung JPK, saudara Syah Ikmal Sujidin. Akhir sekali, program diteruskan dengan solat isyak berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Jawatankuasa Penting sebelum para peserta bersurai.



Program Baiti Jannati ini telah mencapai objektifnya dengan cemerlang. Ia berjaya memberikan pengalaman bermakna kepada semua peserta serta mencipta suasana yang tenang dan penuh keberkatan di Pusat Islam. Pihak penganjur mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat, termasuk peserta, ahli jawatankuasa, dan staf residen kolej yang menjayakan program ini. Diharapkan program ini dapat dijadikan acara bulanan mahupun tahunan pada masa hadapan.

